

IKLAN JAWATAN KOSONG



PARLIMEN MALAYSIA MEMPELAWA WARGANEGARA MALAYSIA YANG BERKELAYAKAN UNTUK MEMOHON JAWATAN BERIKUT:

1. BUTIRAN JAWATAN

- 1.1 Skim Perkhidmatan : **Pegawai Tadbir**
- 1.2 Gred Jawatan : **N41**
- 1.3 Kementerian/ Jabatan : **Parlimen Malaysia**
- 1.4 Kumpulan Perkhidmatan : **Pengurusan Dan Profesional**
- 1.5 Taraf Jawatan : **Kontrak**
- 1.6 Bilangan Kekosongan : **Satu (1)**

2. GRED DAN JADUAL GAJI : RM2,080.00 – RM9,546.00 (Gred N41)

3. SYARAT LANTIKAN DAN KELAYAKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- 3.1 Warganegara Malaysia;
- 3.2 Berumur tidak kurang 21 tahun dan tidak lebih daripada 45 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- 3.2 Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- 3.3 Mendapat kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- 3.4 Keutamaan akan diberikan kepada calon yang fasih menulis dan bertutur dalam Bahasa Inggeris.
- 3.5 Telah lengkap menerima vaksin COVID – 19.

4. CARA-CARA MEMOHON

- 4.1 Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan yang boleh dimuat turun secara *online* di Portal Rasmi Parlimen Malaysia (www.parlimen.gov.my).
- 4.2 Permohonan daripada Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan 17 Bab 'A' Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan) 2012.
- 4.3 Borang permohonan yang lengkap hendaklah disertakan satu (1) keping gambar terkini berukuran pasport (tidak dikembalikan), *resume*, salinan *MyKad*, salinan Sijil Kelahiran, salinan Kelulusan Akademik, salinan Sijil Berhenti Sekolah serta dokumen sokongan yang berkaitan. Semua salinan dokumen tersebut hendaklah **ditandatangani dan diperakui sah** oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Professional (Gred 41 ke atas).
- 4.4 Borang permohonan yang lengkap perlu dihantar ke alamat seperti berikut:

**KETUA PENTADBIR PARLIMEN MALAYSIA
ARAS 4, BLOK AHLI PARLIMEN DAN PENTADBIRAN
JALAN PARLIMEN, BANGUNAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR
(u.p.: Seksyen Pengurusan Sumber Manusia Dan Inovasi)**

5. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 31 MAC 2023

Tarikh Iklan : 17 MAC 2023

Catatan Am:

- (a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan temu duga jawatan ini tidak akan ditanggung oleh Kerajaan.
- (d) Sebarang pertanyaan boleh hubungi Puan Saimunira Binti Mohd Sidek (+603-2603-6886) dan Puan Faizatul Fazrin Binti Badrul Hisham (+603-2603-6883).